

Medium


PANDANGAN PELABURAN BERKUALITI TINGGI TERSEDIA PADA HARI PELABUR 2024 ICAPITAL.BIZ BHD



Biz Digest · Follow

3 min read · 29/10/2024

- *Batalkan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura*
- *Fokus kepada rangkaian domestik*
- *Sektor semikonduktor kekal sebagai sektor terpenting di Malaysia*
- *PM semasa, Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan pembaharuan yang tepat*



KUALA LUMPUR, 29 OKTOBER 2024: Hari Pelabur 2024 oleh icapital.biz Bhd (ICAP, 5108) dengan tema “Bagaimana Seorang Usahawan ‘Romantis’ Temui Kejayaan dengan Berimpian Melangkaui Wang” telah mencatat kejayaan sepanjang dua hari penganjurannya. Acara ini menarik lebih daripada dua ribu peserta dan melibatkan pakar-pakar industri, pemimpin-pemimpin korporat antarabangsa, dan pelajar-pelajar untuk membincangkan masa depan Malaysia, sektor perniagaan yang akan berkembang, dan juga mempersoalkan tentang tujuan hidup.

Dalam ucaptamanya, Ketua Pegawai Eksekutif Capital Dynamics dan wakil icapital.biz Bhd, Tan Teng Boo, berpendapat bahawa Malaysia seharusnya menghentikan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang bernilai berbilion ringgit dan sepatutnya memberi tumpuan kepada rangkaian domestik.

“Jika HSR dilaksanakan, ramai yang akan tinggal di Kuala Lumpur tetapi bekerja di Singapura. Malaysia akan mengalami lebih banyak pengaliran keluar tenaga kerja berkemahiran kerana rakyat akan memilih untuk bekerja di Singapura yang berpendapatan tinggi. Manfaatnya akan lebih kepada Singapura, bukan Malaysia,” kata Tan.

Landasan kereta api sepanjang 350 kilometer antara Kuala Lumpur dan Singapura ini bertujuan untuk mengurangkan masa perjalanan antara kedua-dua bandar tersebut kepada 90 minit daripada lebih empat jam dengan kereta. Keputusan mengenai status projek ini akan diumumkan oleh kerajaan tidak lama lagi.

“Sebaliknya, fokuskan kepada rangkaian antara negeri-negeri di Malaysia, terutamanya dari kawasan luar bandar ke bandar. Negara secara keseluruhannya akan mendapat lebih banyak manfaat daripada hasil ini,” tambah Tan.

Beliau turut menyatakan bahawa sektor semikonduktor kekal sebagai sektor paling penting di Malaysia kerana ia menyediakan kira-kira 10% daripada jumlah pekerjaan dalam sektor pembuatan negara.

Dengan sumbangan Malaysia antara 7% hingga 10% kepada pengeluaran cip global, Tan merasakan bahawa kerajaan Persekutuan dan negeri sedang mengambil langkah yang betul dengan melabur dalam taman reka bentuk litar bersepadu (IC) di Selangor dan Pulau Pinang.

Langkah ini akan memberikan manfaat jangka panjang kepada Malaysia kerana ia memerlukan pengetahuan, bukan sekadar modal.

Pada Hari Pelabur 2023 tahun lalu, Tan mula berpendirian positif terhadap Malaysia untuk kali pertama dalam tempoh sedekad kerana pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri keempat, terhadap politik Malaysia semakin berkurang.

Tahun ini, Tan kekal positif terhadap Malaysia, selain dari pembaharuan sosial dan ekonomi positif yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yakin bahawa FBM KLCI akan mencapai antara 2,500 hingga 3,000 dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Tan berkata, keutamaan icapital.biz Bhd kekal iaitu mengubah masyarakat umum untuk menjadi pelabur yang lebih bijak dan berpengetahuan.

Pelabur bijak akan membawa kepada pasaran modal yang lebih baik. Ini akhirnya akan menjadikan Malaysia ekonomi yang lebih berdaya tahan dan tempat tinggal yang lebih baik dari segi sosial.

Bagi Tan Teng Boo, tujuan hidup adalah untuk sentiasa menyelesaikan masalah yang tiada penghujungnya. Namun, menyelesaikan masalah akan mencipta masalah baru.

Pembelajaran untuk Menjadi Pelabur yang Lebih Baik

Acara ini bukan hanya ditujukan kepada pelabur berpengalaman. Pelabur baru dan bakal pelabur meninggalkan acara ini dengan pengetahuan kewangan yang lebih baik dan kemahiran pelaburan yang lebih bijak.

Hari Pelabur 2024 telah mengatur 17 program menarik yang diadakan melalui dua saluran persembahan selari, sesuai untuk semua jenis pelabur, yang menyampaikan pandangan penting dan peluang bertindak dalam dunia pelaburan.

Saluran pertama, ‘Untuk Pelabur Berpengalaman,’ melibatkan pengurusan utama daripada syarikat tersenarai awam, termasuk Hibiscus Petroleum Bhd, Kelington Group Bhd, SAM Engineering Bhd, Capital A Bhd, Suria Capital Bhd, SenseTime Group dan APM Automotive Holdings Bhd, yang mempersembahkan gambaran keseluruhan syarikat-syarikat mereka serta menjawab soalan daripada peserta-peserta. Pengurus Dana icapital.biz Bhd turut menerangkan dasar dividen unik syarikat tersebut.

Saluran kedua, ‘Untuk Pelabur Baru,’ menampilkan pelbagai sesi, dari topik yang lebih mudah seperti cara menggunakan penyata kewangan untuk pelaburan dan langkah-langkah pelabur dalam menguruskan Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sesi lain turut merangkumi perbincangan mengenai mengapa seseorang patut memiliki kenderaan elektrik dan bagaimana pengalaman bekerja bersama Tan Teng Boo.